

29/07/2001

Melayu kini kurang semangat mengembara

Zainudin Isa

MINAT mengembara dan meneroka sememangnya sudah menjadi amalan nenek moyang kita sejak zaman dulu. Tidak hairanlah hampir segenap pelosok dunia masih ada generasi Melayu, meskipun berbeza budaya atau cara hidupnya.

Pergi mana saja, baik ke benua Afrika, India, China, Amerika atau tanah Arab, warisan Melayu tetap ditemui. Malah, jaringan Melayu di dunia luar daripada daerah Nusantara semakin melebar dan jumlahnya juga semakin bertambah ramai.

Perhatikan asal usul orang Melayu negara ini. Ada yang mengatakan nenek moyang mereka berasal dari Indonesia baik berketurunan Jawa, Minang, Banjar, Boyan mahupun Bugis. Ada juga mendakwa moyang mereka dari India, Arab dan Thailand. Mereka kini sudah menjadi Melayu kerana tinggal di negara Melayu, bercakap Melayu dan mengamalkan budaya Melayu.

Ini membuktikan orang Melayu satu ketika dulu amat berani keluar mengembara dan menerokai dunia luar untuk menimba pengalaman dan mencari rezeki. Sama juga kisahnya satu ketika orang Eropah yang berhijrah beramai-ramai ke Amerika kononnya terpancar cerita mengenai keistimewaan apa yang dinamakan New World (dunia baru) di benua itu.

Bercakap pasal mengembara, baru-baru ini satu konvensyen ekonomi diutarakan mengenai sikap peniaga yang rata-rata sedang mengalami sindrom lesu dan longlai, perlu disuntik dengan semangat mengembara dan meneroka.

Sebetulnya, keinginan mengembara ini bukan sekadar memerlukan ilmu pengetahuan di dada, lebih penting adunan kekentalan, kejituan, pengorbanan dan perjuangan, meskipun nyawa menjadi pertaruhan.

Kini, sudah banyak rakyat kita berlumba-lumba mengembara, menjelajah dan menerokai dunia luar dengan pelbagai cara. Maknanya orang Melayu sudah mula mengikis sikap 'jangan jadi katak di bawah tempurung'.

Tapi, dalam konteks ahli perniagaan, suntikan semangat yang disarankan oleh pemimpin kerajaan pada majlis perasmian konvensyen ekonomi itu patut dijadikan amalan.

Sambil memberikan rasionalnya, peniaga Bumiputera kini mungkin melihat dunia perniagaannya di dalam negara sendiri begitu sempit. Tapi mereka kurang mempunyai semangat untuk beralih ke tempat baru di negara baru yang mungkin menjanjikan peluang keemasan.

Contoh mudahnya bagaimana semangat mengembara sudah dipraktikkan di kalangan usahawan dan pelabur Jepun sehingga sekarang ini menguasai kepentingan dalam syarikat perfileman Universal Studio yang tersohor di Amerika Syarikat.

Juga dikisahkan bagaimana pelabur Jepun kini berniaga dan menguasai syarikat gergasi di sebelah Arab dan Eropah.

Namun walau diberi 1,001 contoh sekalipun, jika tabiat orang kita tidak mahu berubah, ia tidak menjanjikan sebarang makna dan hasil.

Jika sikap tidak acuh atau tidak apa menguasai diri, selagi itulah peniaga Bumiputera lebih selesa duduk di negara sendiri. Ini tidak pelik kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri minggu lalu menampel sikap sebilangan usahawan seperti itu.

Sebenarnya sejak kecil lagi kita orang Melayu sudah dididik supaya berdikari. Masa kita kecil, nenek atau datuk sering berpesan supaya jangan menyusu anak sampai tua atau jangan duduk bawah ketiak ibu sampai tua. Ini dikatakan satu elemen didikan awal yang menjurus supaya anak belajar berdikari tanpa mengharapkan bantuan.

(END)

